

CNS0690

U GB 02-06 00171 BA491

bah

Mahathir - Bernama

MASYARAKAT PERLU KAYA MAKLUMAT UNTUK MAJU

(Embargo: Untuk siaran selepas 10.30 malam ini, 2 Jun)

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia perlu didedahkan kepada pelbagai maklumat yang canggih untuk mewujudkan satu masyarakat yang bermaklumat menjelang tahun 2020.

"Lebih banyak maklumat yang dikuasai oleh satu-satu masyarakat, maka akan menjadi lebih majulah masyarakat itu," kata beliau.

Katanya, orang sering berkata maklumat itu kuasa dan sambungan daripada natijah itu, orang yang menguasai maklumat itulah yang sebenarnya memegang kuasa.

Kuasa ini mungkin lebih besar daripada kuasa yang ada pada ahli-ahli politik, kata Dr Mahathir ketika berucap merasmikan majlis makan malam dan pelancaran perayaan jubli perak Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, Bernama, di Hotel Istana di sini malam ini.

Majlis itu dihadiri kira-kira 800 anggota Bernama dan tetamu yang termasuk Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, beberapa menteri besar, timbalan menteri, anggota exco negeri dan ketua-ketua jabatan. -- Lagi.

▼02/06/15-22MST

CNS0691

U GB 02-06 00097 BA492

bah

Mahathir - Bernama 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata kalau kuasa yang ada pada ahli-ahli politik boleh disalahgunakan, kuasa yang ada pada syarikat-syarikat maklumat juga boleh disalahgunakan.

"Bayangkanlah apa yang akan terjadi kepada negara dan masyarakat jika ini berlaku," kata beliau.

Perdana Menteri berkata sebaliknya jika maklumat digunakan secara bijaksana dan disebarkan kepada rakyat secara tepat, objektif dan meluas, ia boleh membantu melahirkan masyarakat yang bermaklumat.

"Masyarakat yang kaya dengan maklumat dan pandai menggunakannya akan menjadi masyarakat yang maju," kata beliau. -- Lagi.

▼02/06/15-22MST

CNS0714

U GB 02-06 00163 BA495

bah

Mahathir - Bernama 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata potensi dalam bidang industri maklumat amat luas dan terus berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi negara.

Ini bertepatan dengan andaian bahawa industri maklumat adalah industri masa depan.

Baqaيمانapun Bernama kini cuma menguasai sebahagian kecil industri maklumat negara, yang dianggarkan bernilai puluhan juta ringgit setahun, manakala sebahagian besar masih lagi dikuasai oleh agensi asing.

Perdana Menteri berkata cara yang mungkin boleh difikirkan oleh Bernama untuk mengukuhkan lagi kedudukannya ialah dengan menjalin satu bentuk kerjasama yang lebih berkekalan dengan agensi-agensi yang lebih kukuh kedudukannya, khususnya agensi-agensi di Asia Timur.

Beliau yakin adunan kepakaran yang ada pada Bernama dengan pengalaman serta teknologi terkini yang dikuasai agensi-agensi asing itu akan berjaya menghadapi apa jua bentuk saingan.

Di samping itu, Bernama juga hendaklah meneruskan usahanya untuk meluaskan bidang pendapatannya dengan memperkenalkan produk baru, meningkatkan mutu produk yang sedia ada serta mengurangkan kos. -- Lagi.

▼02/06/15-54MST

CNS0743

U GB 02-06 00157 BA499

bah

Mahathir - Bernama 4 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada pengurusan dan anggota Bernama kerana telah berjaya memulihkan kedudukan Bernama hingga bukan sahaja dapat menghapuskan defisit terkumpul RM9.5 juta malah mencatatkan lebih RM3.1 juta tahun lepas.

Beliau juga sukacita bahawa Bernama yang dahulunya bergantung 100 peratus kepada kerajaan untuk sumber kewangannya, kini telah mengurangkan pergantungan itu kepada tidak sampai 15 peratus setahun.

Katanya kerajaan akan terus mengurangkan elemen subsidi ini selaras dengan dasarnya menggalakkan agensi dan jabatan kerajaan mengambil apa jua langkah bagi menambahkan sumber kewangan masing-masing.

Perdana Menteri berkata apa jua pendekatan yang diambil oleh Bernama, ia tidak harus mengabaikan fungsi asalnya yang termaktub dalam aktanya, iaitu mengumpul dan menyebarkan berita.

Tanpa tugas asalnya ini, Bernama tidak akan wujud, kata beliau.

Malangnya, kegiatan pemberitaan, sama seperti tanggungjawab sosial yang lain, merupakan satu kegiatan yang mungkin tidak menguntungkan. -- Lagi.

▼02/06/16-34MST

CNS0752

U GB 02-06 00164 BA500

bah

Mahathir - Bernama 5 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Di samping kos yang meningkat, Bernama juga menghadapi masalah untuk menaikkan yuran langganan di kalangan pertubuhan-pertubuhan media tempatan.

Akibatnya, sebahagian besar daripada keuntungan yang diperolehi daripada kegiatan penjualan maklumat kepada pelanggan bukan media terpaksa digunakan sebagai subsidi untuk pelanggan media.

"Dalam hubungan ini, pertubuhan-pertubuhan media di negara ini, termasuk media elektronik, perlu memikirkan cara yang lebih sesuai untuk membantu Bernama menjalankan tanggungjawab sosial itu secara lebih berkesan," kata beliau.

Katanya jabatan-jabatan kerajaan termasuk kerajaan negeri mungkin juga boleh berlanggan dengan bayaran kepada perkhidmatan-perkhidmatan Bernama.

Pengerusi Bernama Datuk Haji Mazlan Nordin terdahulu berkata Bernama sejak ditubuhkan 25 tahun lepas telah berubah daripada sebuah agensi berita kepada sebuah agensi berita dan maklumat selaras dengan keperluan dan perkembangan masa kini.

Katanya walau apa pun statusnya, Bernama tetap berfungsi sebagai agensi berita nasional sambil memelihara kepentingan negara dan melaksanakan semua peranannya. -- Bernama.

SJ NM.

▼02/06/16-47MST